



MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88803500
Faks : 03-88804081
03-88883093

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj Tuan :
Ruj Kami : (20)MR/U/03/1
Tarikh : 22 November 2011

ARAHAN AMALAN MAHKAMAH RAYUAN BIL. 1 TAHUN 2011

PEMFAILAN KEEMPAT-EMPAT REKOD RAYUAN SEKALIGUS BAGI RAYUAN-RAYUAN SIVIL

Adalah didapati bahawa kebanyakan Perayu/Peguam Perayu gagal mematuhi Arahan Amalan Mahkamah Rayuan Bil. 2 Tahun 2008 yang mengkehendaki baki 3 (tiga) salinan Rekod Rayuan difailkan 3 (tiga) hari selepas penerimaan Notis Perbicaraan melalui faks daripada Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan.

JUSTERU, mulai 1 Disember 2011, apabila tiba masanya bagi Perayu/Peguam Perayu untuk memfailkan Rekod Rayuan kepada Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan mengikut peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah 18 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994, Perayu/Peguam Perayu dikehendaki memfailkan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan, **4 (empat) salinan Rekod Rayuan sekaligus.**

2. Arahan Amalan Mahkamah Rayuan Bil. 2 Tahun 2008 yang meminda Arahan Amalan Bil. 1 Tahun 2008 yang mengandungi peruntukan helaian jilid dalam Rekod Rayuan [Bahagian II (1) (b) dan III (2) (d)] adalah dengan ini dipinda. Jumlah helaian Rekod Rayuan bagi setiap jilid hendaklah tidak melebihi 200 helaian sejilid.


3. Arahan Amalan ini adalah berkuatkuasa untuk Rekod Rayuan yang difailkan pada 1 Disember 2011.

4. Dengan berkuatkuasanya Arahan Amalan ini, maka Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2008 adalah terbatal.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(AZIMAH BINTI OMAR)
Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
PUTRAJAYA

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)